

# Cermin belakang kereta bekas juruperunding NFCorp retak

**P**UTRAJAYA: Cermin belakang di bahagian tempat duduk penumpang sebuah kereta milik bekas juruperunding National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp), Datuk Shamsuharin Ismail yang di parkir di pekarangan tempat letak kereta Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, retak.

Shamsuharin yang dipanggil sebagai saksi ke Ibu Pejabat SPM untuk memberi keterangan terkejut apabila dimaklumkan pemandunya satu daripada tiga kenderaan iaitu Mitsubishi ASX miliknya yang disita SPM, ketika ditahan Disember lalu, retak.

Dua lagi kereta iaitu Mitsubishi jenis Triton dan Grandis dalam keadaan baik.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Siasatan SPM Datuk Mustafar Ali memberi jaminan SPM akan memperbaiki cermin kereta itu.

Beliau berkata, pihaknya menyedari kejadian itu lebih awal

dan satu laporan polis dibuat pada 16 Januari di Ibu Pejabat Daerah Putrajaya.

Katanya kereta yang disita itu di parkir di tempat letak kereta dan satu kerja memotong rumput yang dilakukan mungkin menyebabkan batu melantun ke cermin kereta menyebabkan cermin kereta retak.

“Tiada unsur khianat kerana pada tarikh itu memang ada pemotong rumput. Kita akan memperbaiki kereta itu kerana (kejadian berlaku) semasa dalam penyimpanan kami,” katanya di sini, semalam.